

# Peruntukan besar untuk BI dalam Belanjawari 2003

JOHOR BAHRU 25 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan membentangkan Belanjawan 2003 bulan depan dijangka mengumumkan peruntukan kewangan yang besar untuk melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy berkata, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan akan menyalurkan lebih banyak peruntukan kewangan untuk merealisasikan penggunaan bahasa itu di sekolah-sekolah seluruh negara.

“Semua orang akan membayangkannya (peruntukan yang lebih besar) dan belanjawan akan lebih bertumpu kepada bidang pendidikan,” kata beliau pada sidang akhbar selepas majlis Penyampaian Bantuan Kewangan dan Anugerah Pelajar Cemerlang Persatuan Bulan Sahit Merauh Malaysia (PB-SMM) Cabang Johor Bahru di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan, kebelakangan ini banyak berita mengenai permintaan untuk menambah gaji kepada guru yang layak mengajar bahasa Inggeris, mengambil semula guru-guru yang bersara untuk mengajar, melatih semula dan sebagainya.

“Semua ini memberi kesan kepada kewangan, tetapi data terperinci akan diberitahu oleh Perdana Menteri ketika membentangkan belanjawan,” kata beliau.

## Strategi

Kerajaan mempercuntukkan sejumlah besar kewangan iaitu meliputi 20 peratus daripada belanjawan negara untuk bidang pendidikan.

Ini kerana bidang pendidikan menjadi tunjang kepada pembangunan sumber manusia yang pada akhirnya mampu menggerakkan ekonomi negara.

Menurut Kong Choy, Belanjawan 2003 kini sedang dalam peringkat akhir dan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan akan

mengumumkan beberapa strategi baru.

Ditanya strategi baru dalam belanjawan kali ini, beliau berkata: “Kita perlu tunggu pada bulan September ini.”

## Momentum

Menurutnya lagi, strategi baru yang akan diumumkan itu akan menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan kemajuan pesat dalam semua sektor di negara ini.

“Diharapkan belanjawan baru akan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun depan,” tambah beliau.

Kerajaan katanya, gembira dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.8 peratus dalam suku ketiga tahun ini.

“Kita jangka pertumbuhan suku ketiga adalah lebih baik lagi,” kata Kong Choy.